

Agihan keuntungan TH dilunas zakat, simpanan berkat

Pendeposit tak perlu bimbang, urusan dibuat secara sistematik

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji (TH) mengagihkan keuntungan selepas zakat 3.25 peratus bagi tahun kewangan 2024, tertinggi dalam tempoh tujuh tahun.

Bagaimanapun, masih ada pihak yang mempertikai dan menganggap ia sebagai rendah dibandingkan dengan pulangan diberikan oleh institusi pelaburan lain.

Perunding Kanan Global Asia Consulting, Samirul Ariff Othman, berkata walaupun kadar agihan keuntungan TH tidak separas institusi pelaburan lain, namun faktor utama yang membezakan TH ialah pembayaran zakat simpanan pendeposit secara automatik, jaminan keberkatan dan manfaat kepada ummah melalui agihan zakat dan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Jelas beliau, simpanan di TH bukan hanya mengenai pulangan kewangan semata-mata, tetapi juga soal kebersihan harta dan keberkatan rezeki bagi umat Islam.

"TH melakukan pelaburan patuh syariah sepenuhnya dengan toleransi risiko yang sederhana, memastikan kecairan kompetitif bagi keperluan haji pendeposit. Ini berbeza dengan institusi pelaburan lain yang lebih fokus kepada keuntungan maksimum melalui pelaburan dalam ekuiti, bon, hartanah, dan instrumen kewangan global.

"Selain itu, TH menekankan

keseimbangan antara pulangan dan tanggungjawab sosial, memastikan keberkatan dalam simpanan walaupun kadar keuntungan dilihat berbeza berbanding institusi lain yang lebih agresif dalam pelaburan.

"Malah, TH sudah melunaskan zakat 2.5775 peratus bagi pihak pendeposit, menjadikan simpanan mereka bersih dan berkat, manakala di institusi lain pemilik akaun masih perlu mengira dan membayar zakat mereka sendiri," katanya kepada BH ketika dihubungi semalam.

TH mengamalkan konsep wakalah di mana pendeposit melantik TH sebagai wakil yang menguruskan simpanan mereka untuk diniagakan dan dilaburkan. Hasil keuntungan daripada pelaburan ini akan dikenakan zakat perniagaan.

Zakat perniagaan ialah zakat yang wajib dilunaskan hasil daripada harta perniagaan sama ada dalam bentuk perniagaan persendirian, perkongsian, perniagaan semua jenis syarikat, koperasi, saham dan sebagainya.

Terdapat beberapa kaedah pengiraan kadar zakat perniagaan dan penting untuk memahami kaedah yang betul bagi mengelakkan daripada membayar kurang atau melebihi kadar yang sepatutnya.

Ini menjadi kelebihan di TH kerana pendeposit tidak perlu bimbang akan urusan pelunasan zakat kerana semua telah diuruskan secara sistematik oleh TH.

Jumaat lalu, TH mengagihkan keuntungan selepas zakat sebanyak 3.25 peratus bagi tahun kewangan 2024, tertinggi dalam tempoh tujuh tahun. Agihan keuntungan itu membabitkan jumlah agihan bernilai RM2.92 bilion, berbanding RM2.72 bilion tahun sebelumnya.

Kadar berkenaan dicapai se-



lepas mengambil kira pelunasan zakat sebanyak 2.5775 peratus atau RM99.35 juta. Agihan keuntungan TH itu menjadikan jumlah terkumpul berjumlah RM45.79 bilion sejak penubuhan 61 tahun lalu.

Mengulas lanjut Samirul berkata, zakat yang dilunaskan oleh TH tidak hanya menjadikan simpanan pendeposit bersih dan berkat, tetapi turut dikembalikan kepada masyarakat yang memerlukan melalui konsep wakalah.

"Ini dibuat melalui program CSR TH bantuan kepada golongan asnaf, fakir miskin, dan anak yatim. Sumbangan kepada institusi pendidikan Islam seperti tahfiz dan sekolah agama serta bantuan kepada komuniti Islam global, termasuk program di negara-negara miskin.

"Di TH juga, keberkatan simpanan adalah sebagai keutamaan. Keuntungan bukan satu-satunya ukuran kejayaan TH. Konsep simpanan di TH berbeza kerana Haji adalah ibadah, jadi penyimpanan di TH harus bebas daripada unsur yang tidak patuh syariah.

"Keberkatan lebih utama dari sekadar keuntungan material ke-

rana ia memastikan rezeki bersih dan halal. Ganjaran akhirat lebih penting berbanding pulangan duniawi yang tinggi tetapi tanpa keberkatan," katanya.

Seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud "*Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.*" (At-Taubah: 103).

Keberkatan rezeki

Sementara itu, Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Taha Mohd Omar, berkata walaupun pulangan TH mungkin sederhana, tapi ia datang dengan ketenangan hati dan keberkatan rezeki yang padanya satu pulangan yang tak ternilai.

"Angka bukan segala-galanya dalam pelaburan, nilai berkat itu yang kita kadang-kadang terlepas pandang. Apa yang buat TH istimewa ialah simpanan kita sudah siap ditolak zakat, jadi duit yang tinggal tu memang

bersih, halal, suci, dan tak perlu pening-pening nak kira lagi.

"Ini satu kemudahan besar bagi penyimpan Muslim, sebab zakat itu rukun Islam, bukan sekadar potongan sukarela. Lagi menarik, zakat yang dibayar tu bukan hilang ke mana, malah dibelanjakan semula kepada asnaf dan golongan yang memerlukan.

"Ibarat kita bukan saja menyimpan, tapi pada masa sama turut bantu ummah. Dari sudut syarak, pelaburan yang berkat lebih utama daripada pelaburan yang sekadar nampak untung atas kertas.

Pensyarah Kanan Ekonomi dan Perbankan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Mohd Faisal Ibrahim berkata, agihan keuntungan TH perlu dilihat sebagai jihad ekonomi Islam bagi memartabatkan ekonomi Islam setanding dengan ekonomi konvensional tetapi dalam bentuk yang halal dan bersih serta patuh syariah.

"Bagi saya, masyarakat Islam perlu bersyukur kerana agihan keuntungan TH bukan rendah.

"Selain itu, masyarakat Islam perlu sedar objektif TH adalah untuk menguruskan simpanan penyimpan yang berhajat menunaikan Haji secara sedikit demi sedikit tetapi selamat dan tidak berisiko.

"Tujuan asal TH bukan untuk tujuan pelaburan, tetapi bagi memastikan penyimpan dapat meningkatkan simpanan mereka, maka TH memainkan peranan penting dengan melabur dalam sektor yang halal dan patuh syariah serta menguntungkan.

"Jika dinilai kadar agihan keuntungan yang diberikan jauh lebih tinggi daripada semua simpanan di akaun simpanan perbankan Islam dan simpanan ini pula dijamin 100 peratus oleh kerajaan di bawah Akta Tabung Haji 1995," katanya.

“TH menekankan keseimbangan antara pulangan dan tanggungjawab sosial, memastikan keberkatan dalam simpanan walaupun kadar keuntungan dilihat berbeza berbanding institusi lain yang lebih agresif dalam pelaburan”



Samirul Ariff Othman,
Perunding Kanan
Global Asia Consulting

“Ini satu kemudahan besar bagi penyimpan Muslim, sebab zakat itu rukun Islam, bukan sekadar potongan sukarela. Lagi menarik, zakat yang dibayar tu bukan hilang ke mana, malah dibelanjakan semula kepada asnaf dan golongan yang memerlukan”



Taha Mohd Omar,
Pensyarah Kanan Sekolah
Perniagaan dan Ekonomi, UPM

“Tujuan asal TH bukan untuk tujuan pelaburan, tetapi bagi memastikan penyimpan dapat meningkatkan simpanan mereka, maka TH memainkan peranan penting dengan melabur dalam sektor yang halal dan patuh syariah serta menguntungkan”



Mohd Faisal Ibrahim,
Pensyarah Kanan Ekonomi
dan Perbankan, Fakulti Ekonomi
dan Muamalat, USIM